



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA (JAWI) BERDASARKAN AMALAN PENGAJARAN

NUR HAIZA BINTI IZHAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA (JAWI)
BERDASARKAN AMALAN PENGAJARAN

NUR HAIZA BINTI IZHAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **13 OKTOBER 2020**.

i. Perakuan pelajar:

Saya **NUR HAIZA BINTI IZHAR (M20182001999) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA (JAWI) BERDASARKAN AMALAN PENGAJARAN** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

.....

Tandatangan pelajar

ii Perakuan Penyelia:

Saya **DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PROFESIONALISME GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA (JAWI) BERDASARKAN AMALAN PENGAJARAN** dihasilkan seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memperolehi sebahagian syarat untuk memperolehi **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)**.

.....

Tarikh

.....

Tandatangan Penyelia





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوسونى قديدي سلطان ادرى

UNIVERSITY OF TEACHER EDUCATION

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PROFESIONALISME GURU GELAY RENDAH AGAMA
(Jawi) BERDASARKAN AMALAN PENGAJARAN

No. Matrik / Matric's No.:

m2018 2001999

Saya / I:

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 14/12/2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah, segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Syukur dengan izinNya hingga ke saat ini saya terus diberikan, ruang, peluang dan kekuatan untuk menyiapkan tesis ini bagi menyempurnakan syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Pendidikan Islam. Dalam usaha melaksanakan kajian ini, pelbagai sumbangan dan bantuan yang saya terima dalam pelbagai bentuk seperti bimbingan, pandangan, tunjuk ajar, kerjasama dan sokongan moral daripada banyak pihak.



Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Norhisham Bin Muhamad yang telah memberi bimbingan dan dorongan sepanjang dalam proses untuk menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada, rakan seperjuangan, guru-guru SRA cawangan Kuala Lumpur, staf-staf upsi, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini.

Ucapan istimewa kepada mak dan ayah saya Nor Azlin Binti Abu Samah dan Izhar bin Ismail atas doa, dorongan dan inspirasi yang tidak terhingga dalam menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan baik saya, terima kasih kerana sentiasa sudi berkongsi suka dan duka serta sentiasa bersedia dalam memberi bantuan ketika saya memerlukan.

Moga Allah SWT memberikan ganjaran sewajarnya atas kebaikan kepada anda semua.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profesionalisme guru Sekolah Rendah Agama (JAWI) berdasarkan amalan pengajaran. Kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek amalan pengajaran guru iaitu perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, dan penilaian pengajaran berdasarkan model Cooper, model Al-qabisi dan model Standard Guru Malaysia. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 274 responden yang telah pilih secara rawak berstrata daripada 964 orang guru yang berkhidmat di Sekolah Rendah Agama di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan cawangan Kuala Lumpur. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar bidang. Kebolehpercayaan instrumen soal selidik adalah tinggi berdasarkan pekali *Alpha Cronbach* $\alpha = 0.89$. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens iaitu kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t dan ANOVA. Statistik deskriptif digunakan untuk mengukur persepsi responden mengenai aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Statistik inferensi pula digunakan untuk melihat perbezaan persepsi responden berdasarkan faktor-faktor demografi seperti jantina, jenis perlantikan, kelulusan ikhtisas, kelulusan akademik tertinggi dan pengalaman mengajar. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan guru sangat bersetuju ($\text{min}=4.25$, $\text{s.p}=0.23$) bahawa mereka mengamalkan profesionalisme perguruan. Dalam aspek perancangan pengajaran, responden percaya ($\text{min}=4.40$, $\text{s.p}=0.32$) bahawa mereka merancang pengajaran dengan baik. Dapatan kajian juga mendapati responden sangat bersetuju bahawa mereka melaksanakan pengajaran ($\text{min}=4.20$, $\text{s.p}=0.26$) serta menilai pengajaran ($\text{min}=4.25$, $\text{s.p}=0.38$) dengan berkesan. Walaubagaimanapun, dalam konteks penggunaan ICT dalam pengajaran, majoriti responden tidak bersetuju ($\text{min}=2.40$, $\text{s.p}=1.27$) bahawa mereka mengintegrasikan ICT ke dalam pengajaran mereka. Analisis inferens pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan faktor demografi. Kesimpulannya, dapatan utama kajian menunjukkan responden sangat bersetuju bahawa mereka mengamalkan professionalism perguruan di sekolah kecuali ICT. Implikasi kajian ini menunjukkan guru SRA-JAWI masih lemah dalam penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran yang perlu diberi perhatian oleh pihak berwajib khususnya pihak JAWI bagi meningkatkan profesionalisme perguruan dalam bidang ICT.



THE PROFESSIONALISM OF ISLAMIC PRIMARY SCHOOL TEACHERS (JAWI) BASED ON TEACHING PRACTICES

ABSTRACT

This research aimed to identify the professionalism level of Islamic primary school teachers working under Federal Territory Islamic Department based on their teaching practices. Three aspects of teacher teaching practice, namely, lesson planning, teaching implementation, and teaching assessment were examined. These variables were derived from Cooper model, Al- Qabisi model and *Standard Guru Malaysia* (SGM) model. A survey method was used in this study. A sample of 274 respondents were selected randomly from 964 SRA-JAWI teachers using stratified random sampling technique and those teachers are currently working under Federal Territory Islamic Department in Kuala Lumpur. A set of questionnaires was used as the research instrument and it was validated by three experts in the fields. The reliability of the questionnaires was relatively high with a coefficient of Alpha Cronbach $\alpha = 0.89$. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics such as frequency, percentage, mean, standard deviation, t-test and ANOVA. Descriptive statistics were used to determine the respondents' perception regarding the aspect of planning, implementation and assessment. Inferential statistics were also used to determine the differences regarding teaching practices based on the demographic factors such as gender, type of appointment, professional certification, academic qualification and teaching experience. Overall, the findings indicated that teachers agreed that they practiced teaching professionalism (mean=4.25, s.p=0.23). For lesson planning, respondents believed that they planned lesson very well (mean=4.25, s.p=0.38). Findings also showed that respondents agreed that they implemented teaching effectively (mean=4.20, s.p=0.26) and they also assessed their teaching (mean=4.25, s.p=0.38). Nonetheless, in the context of ICT implementation in teaching, majority of the respondents disagreed (mean=2.40, s.p=1.27) that they integrated ICT in their teachings. The outcome of the inferential statistic showed that there were no significant differences regarding teaching practices based on the demographic factors. In conclusion, the main findings showed that respondents agreed that they practiced teaching professionalism effectively except for ICT implementation. Implication from this research indicates that SRA-JAWI teachers still struggles on the implementing ICT in their teachings making it a crucial for the authorities especially JAWI, to improve the professionalism of teachers' competencies in ICT.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kerangka Teori Kajian	13



1.8	Kerangka Konseptual	18
1.9	Kepentingan Kajian	21
1.10	Batasan Kajian	22
1.10.1	Fokus Kajian	22
1.10.2	Lokasi dan Jenis Sekolah	22
1.10.3	Subjek Kajian	22
1.11	Definisi Operasi Kajian	23
1.12	Kesimpulan	27

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	29
2.2.1	Sejarah Penubuhan Jawi	29
2.2.2	Bahagian Pelajaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	29
2.2.3	Guru-guru dan Murid SRA	31
2.2.4	Jadual Pengajian	34
2.3	Teori Pengajaran Berdasarkan al-Qabisi, Cooper, Dan Model Standard Guru Malaysia	34
2.3.1	Amalan Perancangan Pengajaran	35
2.3.2	Amalan Perlaksanaan Pengajaran	37
2.3.3	Amalan Penilaian Pengajaran	41
2.4	Profesionalisme Guru dalam pengajaran	44
2.4.1	Amalan Perancangan Pengajaran	46
2.4.2	Amalan Perlaksanaan Pengajaran	50
2.4.3	Amalan Penilaian Pengajaran	55
2.5	Kajian- kajian Lepas	58

2.5.1	Kajian Profesionalisme Guru Berdasarkan Amalan Pengajaran	58
2.5.3	Kajian SRA-JAWI	68
2.6	Penutup	68

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	70
3.3	Lokasi Kajian	71
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	72
3.5	Instrumen Kajian	77
3.5.1	Soal Selidik Guru	78
3.6	Kesahan Instrumen Kajian	80
3.7	Kajian Rintis	81
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	82
3.9	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	84
3.10	Prosedur Penganalisis Data Kajian	85
3.10.1	Statistik Deskriptif	85
3.10.2	Statistik Inferensi	86
3.11	Penutup	87

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	88
4.2	Profil Responden	89
4.2.1	Jantina	89
4.2.2	Jenis Perlantikan	90
4.2.3	Kelulusan Ikhtisas	91

4.2.4	Kelulusan Akademik Tertinggi	92
4.2.5	Pengalaman Mengajar	93
4.3	Analisis Deskriptif	94
4.3.1	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan Pengajaran	94
4.3.2	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perlaksanaan Pengajaran	99
4.3.3	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Penilaian Pengajaran	107
4.3.4	Rumusan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran	112
4.4	Analisis Statistik Inferensi	113
4.4.1	Analisis Perbezaan	113
4.5	Penutup	119

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	120
5.2	Ringkasan Kajian	121
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	123
5.3.1	Analisis Deskriptif	123
5.3.2	Analisis Inferensi	137
5.4	Rumusan Keseluruhan Kajian	140
5.5	Implikasi Kajian	144
5.6	Cadangan	146
5.6.1	Cadangan Kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan	146
5.6.2	Cadangan Kepada Pihak Pentadbir	148
5.6.3	Cadangan Kepada Guru SRA-JAWI	149

5.6.4	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	150
5.5	Penutup	151
	RUJUKAN	152



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Bilangan SRA/KAFA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan	31
3.1	Jumlah Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Kuala Lumpur	72
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan	76
3.3	Skala Likert	78
3.4	Item Demografi Guru SRA	79
3.5	Item Tahap Profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pengajaran	80
3.6	Senarai Panel Rujukan Pakar	81
3.7	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	83
3.8	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	83
3.9	Interpretasi Min	86
3.10	Kaedah Analisis Statistik Inferensi	87
4.1	Profil Guru Mengikut Jantina	89
4.2	Profil Guru Mengikut Jenis Perlantikan	90
4.3	Profil Guru Mengikut Kelulusan Ikhtisas	91
4.4	Profil Guru Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi	92
4.5	Profil Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	93
4.6	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan Pengajaran	94
4.7	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perlaksanaan Pengajaran	99
4.8	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Penilaian Pengajaran	107
4.9	Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran	112
4.10	Ujian-t Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan	114



4.11	dan Penilaian Pengajaran berdasarkan Jantina ANOVA Sehala Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran berdasarkan Jenis Perlantikan	115
4.12	ANOVA Sehala Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran berdasarkan Kelulusan Ikhtisas	116
4.13	ANOVA Sehala Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran berdasarkan Kelulusan Akademik Tertinggi	117
4.14	ANOVA Sehala Perbezaan Tahap Profesionalisme Guru SRA-JAWI Berdasarkan Amalan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian Pengajaran berdasarkan Pengalaman Mengajar	118

SENARAI RAJAH

RAJAH		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Kajian Amalan Pengajaran Guru	18
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Profesionalisme Guru	20
	Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam	
	Wilayah Persekutuan	
2.1	Bilangan Guru SRA	32
2.2	Bilangan Murid SRA	33



SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
GPI	Guru Pendidikan Islam
ICT	Information and Communication Technologies
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
KAFA	Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
SIRAJ	Sekolah Integrasi Rendah Agama
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
SRA	Sekolah Rendah Agama



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Manusia telah diciptakan oleh Allah s.w.t khusus untuk menjadi pengurus kehidupan demi memakmurkan kehidupan di bumi dengan mematuhi peraturannya. Maka setelah Nabi Adam diciptakan Allah s.w.t sendiri telah melaksanakan proses pendidikan. Pentingnya pendidikan kepada manusia diperjelaskan dengan Allah menjadi guru yang pertama kepada manusia apabila melaksanakan pengajaran untuk menyempurnakan pendidikan (Shamsina Shamsuddin, Akhiar Pardi 2015). Hal ini diperjelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 31 hingga 32:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ

صَادِقِينَ ﴿٢٠﴾ قَالُوا سُبْحَنَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٢١﴾

Dan dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar!" Mereka menjawab: "Maha Suci Engkau, tidak ada yang kami ketahui selain dari apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mengetahui lagi maha Bijaksana.

(Al-Maraghiy Mustafa, 2001)

Ledakan era globalisasi yang kian memuncak di seantero dunia meletakkan Malaysia dengan pelbagai cabaran dalam mewujudkan negara bangsa berkualiti. Pendidikan merupakan makenisme asas dalam meningkatkan pembangunan negara agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Justeru, Pendidikan berkualiti yang menjadi kunci masa depan negara adalah menjadi keutamaan dalam merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi merealisasikan tujuan ini, guru yang berkualiti menjadi pemacu kepada ilmu pendidikan bekualiti serta penggerak utama kepada pembangunan modal insan berkualiti. (Amie Doris Dorin et al, 2018)

Esah Sulaiman (2003) menyatakan profesion guru sangat penting kepada masyarakat dan negara, kerana profesion ini setanding dengan profesion lain seperti doktor, jurutera dan akautan. Jika golongan doktor merawat orang yang sakit, jurutera bertanggungjawab membangunkan infrastruktur negara, para peguam menegakkan keadilan, namun tugas guru



adalah seorang yang bertanggungjawab membentuk dan mendidik manusia supaya menjadi ahli profesional yang terdiri daripada doktor, jurutera, peguam dan lain-lain. Oleh itu, bidang perguruan atau pendidikan merupakan profesion yang besar tanggungjawab serta cabaran.

Menurut Muhammad Salih Samak (1980), kejayaan seorang guru dalam mendidik adalah terletak pada diri seorang guru tersebut. Seperti contoh, sebagai seorang guru agama seharusnya mendidik anak muridnya dengan didikan agama yang lahir dari jiwa guru itu sendiri. Dengan itu, segala tunjuk ajar seorang guru tersebut akan meninggalkan kesan yang mendalam pada jiwa murid-murid, dan akan menjadi ikutan mereka seperti berakhlak mulia. Selain daripada itu seorang guru agama mestilah beriman teguh, mengetahui selok belok agama dengan sempurna. Di samping itu juga hendaklah mengetahui cara-cara untuk menarik minat murid terhadap pelajaran supaya pelajar dapat difahamkan dengan betul serta mereka dapat mengamalkannya.

1.2 Latar Belakang

Profesionalisme ialah satu set ciri pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesion. Nilai seperti ini perlu ada dalam diri seseorang yang matlamat pekerjaannya untuk mencapai keberkesanan, produktiviti serta kecekapan. Dalam konteks profesionalisme guru seorang guru itu haruslah seorang yang berpengetahuan luas termasuklah ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar. Selain itu guru perlulah pakar dalam bidang yang telah diceburi. Tidak





diabaikan juga menjadi seorang guru tidak hanya hebat dalam menyampaikan ilmu namun juga mempunyai sikap peribadi yang baik agar disenangi rakan sekerja, murid, ibu bapa penjaga serta dihormati oleh masyarakat (Esah Sulaiman, 2003).

Seperti profesion kerjaya yang lain, profesion guru juga mempunyai ciri profesionalismenya yang tersendiri. Antaranya ialah memiliki pengetahuan yang mantap disertai dengan kemahiran yang jitu dalam skop bidang pendidikan. Ianya bagi menyediakan seorang guru yang serba boleh dalam mengikuti perkembangan dunia pendidikan yang semakin maju ke hadapan termasuklah cabaran dan rintangan yang semakin mencabar. Ini menunjukkan bahawa menjadi keperluan dan tuntutan kepada guru agar melengkap dirinya salah satunya dengan melaksanakan pembelajaran yang berterusan. (Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon, 2014).

Seterusnya, salah satu syarat yang diletakkan untuk menjadi sorang guru adalah dengan mempunyai ikhtisas yang berkaitan dengan pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia antaranya seperti diploma dan ijazah pendidikan yang boleh diperolehi daripada institusi pengajian yang menawarkan bidang pendidikan. Namun begitu dengan hanya mempunyai kelulusan sahaja tidak mencukupi jika tidak menguasai ilmu serta berkaitan dengan bidang yang akan diajarnya di sekolah. Tambahan pula seorang guru yang profesional juga perlu mempunyai kemahiran mengajar yang berkesan agar menajmin kemenjadian murid. Kemudian dengan memiliki nilai peribadi yang baik agar dapat menjadi role model kepada anak didik (Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon, 2010).





Muhamad Zahiri Awang Mat et. al (2012) bagi meningkatkan kualiti guru dalam menjalankan tugas mereka, profesionalisme keguruan amat penting untuk diambil kira. Hal ini bagi menghasilkan mutu pendidikan yang berkualiti dalam melahirkan insan yang harmoni di sama ada dalam hubungannya dengan Allah s.w.t dan juga kepada alam.. Habibah @ Artini Ramlie (2017) turut menyatakan pembangunan profesionalisme perguruan adalah suatu usaha bagi memertabatkan kerjaya seorang yang bergelar guru. Hal ini bagi memenuhi keperluan dunia pendidikan yang semakin mengalami perubahan serta mengandungi cabaran dan rintangan.

Kejayaan dan keberkesanan proses Pdp banyak bergantung kepada peranan guru dalam bilik darjah. Pemilihan strategi dan kaedah mengajar pula berkait rapat dengan pencapaian objektif pelajaran. Strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai membolehkan guru merancang isi pelajaran secara sistematik dan menarik, menjamin, murid-murid mencapai objektif pelajaran yang dikehendaki (Mok Soon Sang, 1996).

1.3 Pernyataan Masalah

Profesionalisme keguruan amat penting di dalam meningkatkan kualiti guru dalam menjalankan tugas mereka secara efisien dan progresif. Secara langsung mampu menjana dan menghasilkan mutu pendidikan yang lebih efektif dan membentuk insan yang harmonis dan dinamik di dalam hubungannya dengan Allah s.w.t dan alam (Muhamad Zahiri Awang Mat et. al , 2012). Salah





satu aspek profesionalisme yang penting dalam bidang perguruan adalah kemahiran pengajaran dan pembelajaran seseorang guru. Ianya turut ditekankan dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM) yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2009 iaitu guru yang memiliki kemahiran pengajaran dapat meningkatkan lagi tahap profesionalisme keguruannya.

Menurut Kherul Anwar (2019) iaitu Penolong Pegawai Bahagian Pelajaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, guru yang bertugas di SRA-JAWI ini terbahagi kepada dua iaitu lantikan secara tetap dan lantikan secara kontrak. Guru-guru ini dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Yang membezakan guru yang dilantik secara tetap dengan kontrak adalah mempunyai kelulusan pendidikan sama ada dalam diploma pendidikan atau sarjana muda pendidikan. Sudah semestinya guru yang bertaraf kontrak kemahiran mengajarnya kurang berbanding guru lantikan tetap kerana tidak didedahkan dengan ilmu pendidikan.

Menurutnya lagi, sekiranya ditinjau masalah berkaitan dengan amalan pengajaran guru tidak kira bertugas di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia atau di bawah sekolah-sekolah kelolaan kerajaan negeri isunya masih sama. Oleh itu, segala permasalahan dan isu yang berkaitan dengan profesionalisme guru dalam amalan pengajaran terutamanya guru pendidikan Islam secara tidak langsung ianya juga boleh dikaitkan dengan guru yang bertugas di SRA-JAWI kerana mereka juga dikenali sebagai guru pendidikan Islam yang mengajar kurikulum pendidikan Islam JAWI.





Kajian Bani Hidayat & Norhayati (2018) mendapati guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) majoriti yang telah berkhidmat lebih dari 7 tahun tahap profesionalisme mereka berada pada tahap yang sama dengan guru yang baru berkhidmat. Begitu juga dengan kajian Razila Kasmin et al (2019) terhadap guru Pendidikan Islam mendapati tidak terdapat perbezaan kualiti guru berdasarkan aspek pengalaman mengajar. Sekali gus ini menunjukkan guru yang berpengalaman dgn guru baru mula berkhidmat mempunyai tahap kualiti yang sama dalam aspek pengajaran.

Dalam kajian Habibah@ Artini Ramlie (2016) menyatakan keperluan untuk menjadi guru yang professional begitu dituntut dalam Islam, namun kajian-kajian lepas dari tahun 1997-2015 menunjukkan tahap profesionalisme guru pendidikan Islam termasuklah dalam aspek pengajaran masih kurang memberangsangkan. Sebagai seorang guru haruslah mempunyai kepelbagaian idea terutamanya dalam kaedah pengajaran agar ianya sesuai dengan tahap serta keadaan murid. Hal ini kerana sebagai seorang guru haruslah mempunyai kemampuan dalam menyampaikan ilmu kepada murid disamping mempunyai ilmu pengetahuan tentang isi kandungan pelajaran yang mantap (Noornajihan Jaafar, 2016).

Mohd Syaubari Othman (2016) menyatakan bahawa guru pendidikan Islam perlu kepada penambah baikkan dalam amalan perancangan pengajaran seperti menetapkan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan ketika dalam perancangan pengajaran. Aktiviti yang dirancang perlulah bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Menurut Habibah @Artini Ramlie et. Al





(2016) antara faktor penting dalam menjamin keberkesanan pengajaran sesuatu mata pelajaran adalah bergantung kepada seorang guru yang mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar serta objektif pengajaran.

Selain itu, guru pendidikan Islam juga dilihat kurang dalam mempelbagaikan set induksi dalam permulaan pengajaran (Mohd Syaubari Othman, 2016). Dalam kajian beliau ada mencadangkan penambah baikkan dalam pelaksanaan set induksi seperti lebihkan kepada interaksi sesama pelajar semasa menjalankan aktiviti set induksi dan mempertingkatkan elemen penyoalan agar elemen KBAT dapat diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, dalam melaksanakan penyoalan kepada murid yang berada di peringkat sekolah rendah memerlukan bimbingan yang berterusan dalam memastikan pelajar memahami tujuan sesuatu tajuk itu diajarkan.

Abd Aziz Mahayudin (2012) menyatakan salah satu faktor yang menjadi penyebab kepada kemerosotan pengajaran guru-guru di sekolah ialah kemahiran dalam pengajaran. Dalam kajian Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim dan Tamuri Rohizan Ya (2012) pula menyatakan bahawa guru Pendidikan Islam masih mengaplikasikan dan mengamalkan kaedah pengajaran yang mudah atau lama iaitu pendekatan pengajaran sehala. Begitu juga dengan kajian Syed Najmuddin Syed Hasan (2009) menyatakan guru pendidikan Islam kurang menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dan kurang menggunakan keberbagaian kaedah pengajaran.





Dalam kajian Ab Halim Tamuri et al (2013) berkaitan pelaksanaan pengajaran di sekolah rendah agama negeri Selangor menunjukkan bahawa rata-rata guru-guru SRA-JAIS yang mengajar yang mengajar kurikulum pendidikan Islam JAIS ini lebih cenderung kepada penggunaan kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada guru. Dalam pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada murid seperti talaqqi musyafahah, perbincangan, berdialog, menulis rencana ringkas, simulasi, sumbangsaran, projek, lakonan dan sebagai menurut beliau guru SRA-JAIS kurang melaksanakan kaedah pengajaran seperti itu.

Penggunaan bahan bantu mengajar juga merupakan salah satu daripada aspek yang membantu guru dalam menarik minat pelajar serta ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun begitu, sehingga kini isu berkaitan guru pendidikan Islam masih belum mampu melaksanakan penggunaan bahan bantu mengajar dalam Pdp pendidikan Islam. Ianya berpunca daripada beberapa faktor antaranya kekangan masa, kurangnya ilmu pengetahuan dalam mengendalikan pengajaran abad ke-21 dan pelbagai lagi (Mohd Syaubari Othman, 2016; Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Seterusnya penilaian pengajaran merupakan salah satu elemen penting dalam amalan pengajaran yang menentukan keberkesanan sesuatu pengajaran. Guru pendidikan Islam perlu menitikberatkan amalan penilaian pengajaran kerana tanpa adanya, keberkesanan proses pengajaran tidak akan berlaku (Habibah@Artini Ramlie et al (2016). Dalam kajian beliau menunjukkan elemen penilaian pengajaran guru pendidikan Islam masih perlu kepada penambah baikkan. Dalam kajian Mohd Syaubari Othman et al (2018) juga menunjukkan pada peringkat penutup pengajaran guru pendidikan Islam bersikap pasif dan membuat penilaian iaitu dengan



melontar soalan yang aras rendah yang memerlukan kepada pelajar untuk menjawab Ya atau Tidak sahaja.

Berdasarkan isu-isu yang telah dinyatakan berkemungkinan isu-isu berkaitan pengajaran guru ini juga terjadi dalam kalangan guru yang bertugas di SRA-JAWI. Justeru itu, kajian yang dijalankan ini ingin mengetahui bagaimanakah tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pengajaran. Hal ini kerana, pengkaji melihat kajian berkaitan dengan guru SRA-JAWI kurang dilaksanakan. Oleh itu, pada pendapat pengkaji kajian ini perlu dijalankan agar dapat memberi input baharu serta memberi manfaat dan menambah baik bagi meningkatkan lagi profesion perguruan di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan perancangan pengajaran.
2. Mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran.
3. Mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan penilaian pengajaran.



4. Mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru SRA-JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan demografi guru seperti:

- a) Jantina
- b) Jenis perlantikan
- c) Kelulusan Ikhtisas
- d) Kelulusan Akademik Tertinggi
- e) Pengalaman Mengajar

1.5 Soalan Kajian



1. Apakah tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan perancangan pengajaran?
2. Apakah tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pelaksanaan pengajaran?
3. Apakah tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan penilaian pengajaran?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap profesionalisme guru SRA-JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan demografi guru?



1.6 Hipotesis Kajian

Berpandukan kepada objektif dan persoalan kajian di atas, pengkaji membina lima hipotesis nol seperti yang telah dinyatakan di bawah.

H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan jantina.

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan jenis perlantikan.

H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan kelulusan ikhtisas.

H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan kelulusan akademik tertinggi.

H₀₅: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran berdasarkan pengalaman mengajar.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti tahap profesionalisme guru SRA-JAWI berdasarkan amalan pengajaran. Kajian ini merujuk kepada teori amalan pengajaran berdasarkan teori pengajaran berkesan Cooper (2006), teori pengajaran al-Qabisi (1955) dan model Standard Guru Malaysia (2009). Amalan pengajaran merupakan salah satu topik perbincangan yang dibincangkan dalam ketiga-tiga teori ini. Teori pengajaran berkesan Cooper (2006) ada membincangkan mengenai tiga komponen asas pengajaran iaitu perancangan (*planning*), pelaksanaan (*implementing*) dan penilaian (*assessing*). Manakala teori pengajaran al-Qabisi pula lebih menjurus dalam bidang pengajaran al-Quran. Namun begitu, teori ini boleh juga diaplikasikan dalam pengajaran secara umum. Sementara itu, model standard guru Malaysia pula merupakan standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dijadikan sebagai garis panduan guru di Malaysia.

Teori pengajaran berkesan berdasarkan Cooper (2006) menjelaskan perkaitan tiga komponen asas pengajaran iaitu perancangan (*planning*), pelaksanaan (*implementing*) dan penilaian (*assessing*). Pada komponen perancangan memerlukan kepada guru membuat ketetapan mengenai keperluan murid, matlamat dan objektif yang sesuai, kaedah dan strategi yang sesuai dalam menarik minat pelajar (set induksi) agar dapat mencapai objektif pengajaran. Beliau menyatakan bahawa matlamat utama dalam perancangan adalah untuk menentukan pembelajaran pelajar. Perancangan boleh dilakukan apabila guru bersendirian dan mempunyai masa untuk merancang dan mempertimbangkan isu-isu seperti pelan jangka pendek dan jangka panjang, kemajuan pelajar, masa yang ada, dan bahan pengajaran. Perancangan pengajaran akan

membantu menguruskan aliran yang bersesuaian dengan mengikut urutan kandungan pengajaran (Cooper, 2006).

Standard Guru Malaysia (2009) juga menetapkan beberapa perincian yang perlu dicapai oleh guru dalam standard pengajaran dan pembelajaran iaitu kebolehan guru membuat perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Kemahiran yang perlu guru kuasai di peringkat perancangan pengajaran meliputi proses penyediaan rancangan pengajaran tahunan berdasarkan kepada sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran serta takwim sekolah. Selain itu, guru juga perlu menyediakan rancangan pengajaran harian dengan menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, aktiviti, sumber serta pentaksiran dan penilaian guru tanpa tahap penguasaan dan kebolehan murid.

Seterusnya, menurut Cooper (2006) dalam pelaksanaan pengajaran pula memerlukan guru untuk mempunyai kemahiran mengajar. Kemahiran mengajar yang menyokong pelaksanaan termasuklah mempunyai kemahiran menyampaikan dan menjelaskan, mempersoalkan, mendengar, memantau, memberikan maklum balas, dan menunjukkan (demonstrasi). Selain itu kemahiran tambahan yang diperlukan adalah memantau tingkah laku pelajar, menguatkuasakan peraturan dan tatacara, menggunakan teknologi pengajaran, bahan bantu mengajar, mengambil berat dan menghormati pelajar, dan mencipta pembelajaran dan persekitaran positif.

Al- Qabisi (1955) juga turut menyatakan bahawa seorang guru perlu mempunyai sifat peka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. Menurut beliau seorang guru haruslah memerhati tingkah laku murid secara terperinci iaitu dengan mengawasi tingkah laku mereka. Hal ini kerana dikhuatiri rosak akhlak murid dengan melakukan tingkah laku yang tidak baik ataupun mempunyai sifat-sifat yang nakal. Oleh itu selain mempunyai kemahiran mengajar, guru juga perlu menguasai kemahiran kawalan kelas dengan baik.

Selain itu, Al-Qabisi (1955) juga ada menyarankan perlaksanaan pengajaran secara tunjuk ajar atau dikenali sebagai kaedah demonstrasi. Metode pengajaran demonstrasi ini boleh diguna pakai dalam pembelajaran al-Quran, fiqh seperti solat, tayammum, wuduk dan sebagainya. Melalui kaedah ini murid akan mudah memahami isi pengajaran dengan lebih berkesan terhadap yang disampaikan oleh guru. Murid juga boleh meniru atau mengikuti cara pembacaan guru ataupun gerakan yang lakukan oleh guru.

Standard Guru Malaysia (2009), pula menyatakan kemahiran yang perlu guru kuasai di peringkat perlaksanaan salah satunya memerlukan guru untuk menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran. Antaranya adalah dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran guru sebagai pemudah cara, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Hal ini kerana pembelajaran yang berkesan adalah bergantung kepada kemahiran guru membuat pemilihan dan penyediaan yang sesuai. Tambahan lagi, guru juga perlu menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan mengambilkira tahap keupayaan murid agar menjadi pembelajaran yang bermakna dan berkesan.



Menurut Cooper (2006) penilaian pengajaran pula memerlukan guru untuk membuat penilaian sama ada murid mencapai matlamat dan objektif yang telah ditentukan. Walaubagaimana pun Cooper (2006) turut menjelaskan bahawa proses penilaian tidak hanya terhad kepada murid sahaja. Penilaian terhadap diri guru juga perlu iaitu berdasarkan kepada penelitian dan maklum balas daripada hasil pengajaran. Seterusnya guru perlu mempertimbangkan sama ada berjaya mencapai matlamat yang telah ditetapkan ataupun memerlukan kepada penambahbaikan dengan melaksanakan rancangan baru dan mencuba strategi pelaksanaan yang baharu.

Menurut al-Qabisi (1955), antara faktor yang mengukuhkan lagi sistem pengajaran adalah melalui proses penilaian. Menurutnya melalui proses penilaian ini beliau dapat mengenalpasti dan merumuskan pentingnya menjalankan proses penilaian yang berterusan. Dalam konteks pembelajaran al-Quran beliau berpendapat perlunya melaksanakan penilaian pada setiap hari atau setiap minggu dan ianya dilaksanakan bermula pada permulaan pengajian sehinggalah ke penghabisan pengajian iaitu disudahi dengan ujian akhir. Selain itu, al-Qabisi juga berpendapat penilaian tidak berakhir dengan membataskan pada peperiksaan sahaja malah beliau menyatakan pemerhatian tingkah laku juga termasuk dalam amalan penilaian pengajaran.


Standard Guru Malaysia (2009), pula menyatakan kemahiran yang perlu guru kuasai di peringkat penilaian adalah guru perlu melaksanakan kepelbagaian kaedah pemantauan dan



pentaksiran serta penilaian ini harus dilaksanakan secara berterusan. Seterusnya, apabila selesai membuat penilaian, guru perlu memaklumkan kepada murid. Hal ini kerana untuk membantu mereka dalam menjalani proses penilaian sendiri dalam meningkat prestasi diri. Melaporkan kepada ibu bapa juga termasuk dalam standard penilaian pengajaran yang digariskan oleh Standard Guru Malaysia (2009). Melalui proses ini ianya akan dapat membantu murid, ibu bapa serta penjaga dalam mengambil tindakan susulan berdasarkan hasil penilaian yang telah dijalankan oleh guru.

Secara keseluruhan, pengajaran yang berkesan melibatkan guru untuk membuat keputusan yang baik agar sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Malah sebelum pengajaran berlaku, seorang guru perlu berfikir dan membuat keputusan dalam menentukan isi kandungan pengajaran, strategi pengajaran, penggunaan bahan pengajaran, penggunaan teknologi dalam pengajaran, teknik pengajaran, pengurusan kelas dan disiplin, penilaian pembelajaran pelajar dan pelbagai isu lain yang berkaitan (Cooper, 2006).

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang dibina berdasarkan amalan pengajaran yang saling berkaitan antara teori al-Qabisi (1955), Cooper (2006), dan Standard Guru Malaysia (2009). Kerangka teori ini menunjukkan amalan pengajaran guru berdasarkan tiga aspek iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Kemudian diikuti dengan pecahan komponen kecil setiap aspek. Perancangan pengajaran mengandungi komponen persediaan, objektif dan matlamat serta set induksi. Pelaksanaan pengajaran pula mengandungi komponen kemahiran mengajar, bahan bantu mengajar dan pengurusan bilik darjah. Manakala penilaian pengajaran pula mengandungi komponen penilaian terhadap pelajar refleksi guru.



Rajah 1.1 *Kerangka Teori Kajian Amalan Pengajaran Guru*. Sumber: Cooper (2006), al-Qabisi (1955) Standard Guru Malaysia (2009).


1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual dalam Rajah 1.2 ini memberi gambaran tentang beberapa pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Pemboleh ubah utama dalam kajian ini adalah amalan pengajaran guru yang terdiri daripada perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Selain itu, faktor demografi guru iaitu jantina, jenis perlantikan, kelulusan ikhtisas, kelulusan akademik tertinggi,

dan pengalaman mengajar turut dikaji. Berdasarkan kerangka konseptual kajian ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap amalan pengajaran guru.

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap profesionalisme Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (SRA-JAWI) berdasarkan amalan pengajaran. Berdasarkan kerangka konsep kajian ini juga menunjukkan untuk mengetahui perbezaan profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan pengajaran berdasarkan demografi guru. Kerangka konsep ini adalah hasil dari olahan pengkaji berdasarkan teori al-Qabisi (1955), Cooper (2006), dan model Standard Guru Malaysia (2009) yang dirujuk bagi membolehkan objektif kajian dicapai dan mampu menjawab soalan kajian.

Kerangka konsep kajian dalam Rajah 1.2 juga memberi petunjuk tentang perancangan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Bahagian pertama adalah selari dengan objektif kajian yang pertama, kedua dan ketiga iaitu melihat kepada profesionalisme guru (SRA-JAWI) berdasarkan amalan pengajaran terdiri daripada perancangan, pelaksanaan, dan penilaian. Bahagian kedua pula melibatkan perbezaan profesionalisme guru agama SRA – JAWI dalam amalan pengajaran berdasarkan demografi guru selari dengan objektif yang keempat. Bahagian ketiga adalah hasil yang akan diperolehi berdasarkan kajian ini.



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian Profesionalime Guru Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan kerana mempunyai kepentingan serta manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya dalam bidang penyelidikan profesionalisme perguruan amnya dan guru yang bertugas di Sekolah Rendah Agama dibawah kelolaan JAWI khususnya. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi input baru dalam bidang profesionalisme perguruan khususnya dalam amalan pengajaran guru agar dapat diperbaiki dan dipertingkatkan lagi kualiti seorang yang bergelar guru.

Kajian ini dilihat penting memandangkan kajian terhadap guru SRA-JAWI ini kurang dilaksanakan sedangkan melalui sekolah-sekolah ini juga lahirnya generasi berkualiti dari aspek akademik dan akhlak. Oleh yang demikian pengkaji berasa penting untuk mengkaji guru yang bertugas di SRA-JAWI. Selain itu, memang diakui terdapat banyak kajian berkaitan dengan tahap profesionalisme guru terutamanya dalam amalan pengajaran. Namun begitu kajian yang di jalankan oleh pengkaji ini terdapat sedikit perbezaan dengan kajian-kajian sebelum ini. Kajian ini lebih tertumpu kepada guru yang bertugas di Sekolah Rendah Agama dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Tambahan pula, pengkaji merasakan kajian ini penting kerana ianya akan dapat memberi maklumat tambahan baru berkaitan tahap profesionalisme guru di Malaysia.



1.10 Batasan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini hanya terhad kepada perkara-perkara berikut:

1.10.1 Fokus Kajian

Kajian ini dihadkan kepada profesionalisme guru dalam amalan pengajaran bagi guru yang bertugas di Sekolah Rendah Agama dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah. Aspek profesionalisme guru selain dari amalan pengajaran yang telah dinyatakan tidak termasuk dalam kajian ini.

1.10.2 Lokasi dan Jenis Sekolah



Kajian ini terbatas kepada Sekolah Rendah Agama (SRA) dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah. SRA yang di bawah kelolaan JAWI terdapat di tiga cawangan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Namun begitu kajian ini tertumpu kepada SRA yang berada di cawangan Kuala Lumpur sahaja.

1.10.3 Subjek Kajian

Kajian ini hanya terhad kepada guru yang bertugas di Sekolah Rendah (SRA) Agama dibawah kelolaan Jabatan Agama Islam Wilayah. SRA yang di bawah kelolaan JAWI terdapat di tiga cawangan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Namun begitu kajian ini tertumpu kepada guru yang bertugas di SRA di cawangan Kuala Lumpur sahaja.





1.11 Definisi Operasi Kajian

1.11.1 Profesionalisme guru

Maksud profesionalisme ialah satu set ciri; pengetahuan, kepakaran, sikap dan nilai dalam sesuatu profesion. Nilai seperti ini perlu ada dalam diri seseorang yang matlamat pekerjaannya untuk mencapai keberkesanan, produktiviti serta kecekapan. Dalam konteks profesionalisme guru seorang guru itu haruslah seorang yang berpengetahuan luas termasuklah ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar. Selain itu guru perlulah pakar dalam bidang yang telah diceburi. Tidak diabaikan juga menjadi seorang guru tidak hanya hebat dalam menyampaikan ilmu namun juga mempunyai sikap peribadi yang baik agar disenangi rakan sekerja, murid, ibu bapa penjaga serta dihormati oleh masyarakat (Esah Sulaiman, 2003).



Dalam konteks kajian ini profesionalisme guru adalah berfokus kepada amalan pengajaran. Amalan pengajaran yang hanya berfokuskan kepada perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan penilaian pengajaran.

1.11.2 Perancangan Pengajaran

Perancangan pengajaran menurut Cooper (2016) merupakan penentuan sebuah proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya melibatkan proses guru mengambil keputusan dengan membuat pertimbangan isu-isu pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek, mengambil kira latar belakang pelajar, peruntukan masa dan juga penggunaan bahan bantu mengajar. Dengan adanya perancangan pengajaran ianya akan membantu proses aliran pengajaran yang bersesuaian dengan urutan kandungan pelajaran. Tambahnya lagi, proses perancangan ini





melambangkan persediaan guru dalam membuat keputusan yang bijak dan berkesan. Antaranya adalah dalam membuat keputusan terhadap apa yang akan diajarkan, kepelbagaian dalam kemahiran mengajar.

Berdasarkan Standard Guru Malaysia (2009) pula menyatakan perancangan pengajaran meliputi proses penyediaan rancangan pengajaran tahunan berdasarkan kepada sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran serta takwim sekolah. Selain itu, guru juga perlu menyediakan rancangan pengajaran harian dengan menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran, aktiviti, sumber serta pentaksiran dan penilaian guru. Pada peringkat perancangan ini memerlukan guru untuk mengambil kira perbezaan, kebolehan, pengetahuan sedia ada dan jangkaan pencapaian murid.



Persediaan mengajar atau *lesson plan* merupakan persediaan lengkap yang perlu disediakan oleh guru sebelum memulakan pengajaran. Rancangan pengajaran ini mengandungi seperti objektif pengajaran, set induksi, isi pengajaran, kemahiran yang ingin diterapkan, aktiviti yang disusun mengikut urutan, bahan bantu mengajar yang akan digunakan bagi mencapai objektif yang hendak dicapai (Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, 2007). Perancangan pengajaran yang rapi amat dititikberatkan dalam memastikan setiap produktiviti atau hasil yang diperolehi adalah berkualiti dan mencapai objektif dan sasaran yang ditetapkan serta dijamin akan melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran (Caroline @ Lorena David & Abdul Said Ambotang, 2014).





1.11.3 Pelaksanaan Pengajaran

Menurut Cooper (2006) pelaksanaan pengajaran memerlukan seorang guru menguasai kemahiran pengajaran dengan baik. Antara kemahiran yang ditekankan oleh Cooper adalah dengan menyampaikan dan menjelaskan pengajaran. Kaedah penyampaian yang betul dan jelas akan menjadikan sebuah pengajaran yang berkesan. Selain itu, pelaksanaan pengajaran memerlukan guru untuk mempunyai kemahiran dalam menjana persekitaran yang sesuai ketika dalam Pdp. Hal ini kerana persekitaran yang baik dan sesuai sekaligus akan dapat merangsang keinginan belajar dalam kalangan murid. Tidak dinafikan bahawa matlamat utama guru dalam pengajaran adalah untuk merangsang murid untuk belajar dalam manakala tujuan pengurusan bilik darjah adalah untuk menghasilkan situasi pembelajaran yang kondusif.



Standard Guru Malaysia pula menyatakan pelaksanaan pengajaran memerlukan guru untuk menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran. Antaranya adalah dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran guru sebagai pemudah cara, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Hal ini kerana pembelajaran yang berkesan adalah bergantung kepada kemahiran guru membuat pemilihan dan penyediaan yang sesuai. Tambahnya lagi mengambil kira tahap keupayaan murid juga harus diambil kira dalam proses pelaksanaan pengajaran (Standard Guru Malaysia, 2009).





1.11.4 Penilaian Pengajaran

Menurut al-Qabisi (1955) penilaian pengajaran adalah memerlukan kepada guru melaksanakannya setiap hari selepas selesai proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahnya lagi penilaian tidak berakhir dengan membataskan pada peperiksaan sahaja malah beliau menyatakan pemerhatian tingkah laku juga termasuk dalam amalan penilaian pengajaran.

Penilaian menurut Cooper (2006) adalah merupakan keputusan mengenai objektif yang telah dipilih serta strategi pengajaran yang digunakan dan penentuan pencapaian murid. Untuk membuat keputusan itu memerlukan guru untuk menentukan jenis maklumat yang mereka perlukan dan kemudian mengumpulkannya iaitu dengan melalui peringkat penilaian, memperoleh, menganalisis, dan merekod maklumat yang telah diperolehi. Namun begitu, penilaian ini tidak hanya terbatas kepada murid. Penilaian terhadap diri guru juga perlu iaitu berdasarkan kepada penelitian dan maklum balas daripada hasil pengajaran.

Standard Guru Malaysia (2009), pula menyatakan penilaian pengajaran merupakan kepelbagaian kaedah pemantauan dan pentaksiran serta penilaian ini harus dilaksanakan secara berterusan. Ianya termasuklah selepas selesai membuat penilaian, guru perlu memaklumkan kepada murid. Hal ini kerana untuk membantu mereka dalam menjalani proses penilaian sendiri dalam meningkat prestasi diri. Selain untuk murid, penilaian ini juga penting bagi guru dalam membuat penambahbaikan dalam amalan pengajaran berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah diperolehi dalam proses penilaian. Melaporkan kepada ibu bapa juga termasuk dalam standard penilaian pengajaran yang digariskan oleh Standard Guru Malaysia (2009).





1.12 Kesimpulan

Masalah yang timbul berkaitan amalan pengajaran sememangnya sudah lama dan terdapat pelbagai kajian berkaitan dengan amalan pengajaran guru. Namun begitu pengkaji merasa kajian berkaitan dengan guru SRA-JAWI kurang dilaksanakan sedang mereka juga dikenali sebagai guru. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi penerokaan terhadap tahap profesionalisme guru SRA-JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Kajian juga dilaksanakan untuk melihat dengan lebih jelas terhadap perbezaan tahap profesionalisme guru SRA-JAWI dalam amalan perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran.

